

PM arah agensi jaga sempadan mulakan tugas serta-merta

MCBA diminta letak pegawai pastikan kawalan keselamatan berjalan lancar

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA) melaksanakan tugas berkuat kuasa serta-merta.

Perdana Menteri berkata, walaupun rang undang-undang (RUU) berkaitan penubuhan agensi itu hanya akan dibentangkan di Parlimen Julai ini, semua jabatan berkaitan seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia sudah boleh meletakkan pegawainya dan bertugas dengan segera.

“Undang-undang (penubuhan MCBA) hanya akan dibentangkan

pada Julai, tetapi pada 1 Mei (semalam) adalah bermula punca kuasa pada perkara berkenaan, bermakna dari polis, Kastam, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau Imigresen sebagai punca kuasa.

“Oleh demikian semua jabatan dan kementerian harus menerima arahan ini, meletakkan pegawai di sempadan utama sekarang dan melaksanakan tugas dengan Ketua Pengarah (MCBA), Datuk Seri Hazani Ghazali yang mempunyai tugas besar untuk jaga seluruh sempadan kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penerapan Nilai Murni dan Sambutan Aidilfitri Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, semalam.

Anwar berkata, semua jabatan berkaitan perlu menerima arahan itu secara serius dan melaksanakannya dengan segera.

Beliau berkata, MCBA adalah agensi yang boleh menyelaras dan memastikan pelaksanaan kawalan keselamatan dengan baik dan licin selain kelulusan kemasukan dapat disegerakan.

“Kawalan keselamatan di jaga dan segala kebocoran dan penyeludupan dihentikan. Ini tugas besar Hazani dan keluarga MCBA, saya percaya mereka dapat melaksanakan tugas sebaiknya,” katanya.

Guna akta sedia ada

Terdahulu, Perdana Menteri menyaksikan penyerahan Dokumen Terma Rujukan MCBA sebagai penyelarar kepada jabatan dan agensi rakan strategik mengenai kawalan serta perlindungan sempadan negara.

Dokumen Terma Rujukan itu ditandatangani Ketua Setiausaha KDN; Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Dokumen turut ditandatangani Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah itu juga

manifestasi kepada keputusan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri pada 17 April lalu yang bersetuju bahawa pengoperasian MCBA dilaksanakan secara pentadbiran dengan menggunakan akta sedia ada.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berharap Jabatan Imigresen tidak mengambil hati dengan tegurannya kepada agensi itu berhubung isu kesesakan di pintu masuk negara.

Perdana Menteri berkata, teguran itu ibarat kasih kepada anak bagi menambah baik prestasi Imigresen susulan lonjakan kemasukan pelancong asing ke negara ini.

“Kadang-kadang kita tegur macam kasih kepada anak, jadi jangan ambil hati. Dalam semangat hari raya ini, maaf lahir dan batin, saya harap Imigresen maafkan.

“Bukan apa, jumlah pelancongan itu naik mendadak, Malaysia menjadi tarikan dan beberapa bulan awal tahun ini, mencecah peningkatan 80 peratus dan tentunya menjadi tekanan kepada agensi,” katanya.